



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS NILAI DIDAKTIS DAN FUNGSI PRAGMATIS TANGON KADAZANDUSUN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SUZIANI JESERAH BINTI JUNAIDIH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS NILAI DIDAKTIS DAN FUNGSI PRAGMATIS TANGON
KADAZANDUSUN**

SUZIANI JESERAH BINTI JUNAIDIH

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2022

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 17/5/2022

Student' Declaration:

Saya, SUZIANI JESERAH BINTI JUNAIDIH, M20191000752 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk ANALISIS NILAI DIDAKTIS DAN FUNGSI PRAGMATIS TANGON KADAZANDUSUN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya..

Serah

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya ROSILIAH KITING dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS NILAI DIDAKTIS DAN FUNGSI PRAGMATIS TANGON KADAZANDUSUN dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA SASTERA (BAHASA KADAZANDUSUN).

6/7/2022

Tarikh

Rosliah Kiting

Tandatangan Penyelidik
ROSILIAH KITING
Penyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim Perak
N/P: 013-6781011



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيٲى فنډيدين سلطان اڤريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS NILAI DIDAKTIS DAN FUNGSI PRAGMATIS TANGON
KADAZANDUSUN

No. Matrik / Matric's No.: M20191000752

Saya / I: SUZIANI JESERAH BINTI JUNAIDIH

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
- i. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
- ii. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
- iii. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD.**
- iv. *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-



SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /

Contains confidential information under the Official Secret Act 1972



TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*



TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

Serah

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 6/7/2022

DR. ROSLIAH KITING

DR. ROSLIAH KITING

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan Bismillahirrahmanirahim.

Alhamdulillah, bersyukur saya kehadiran ilahi kerana dengan limpahan rahmat dan limpah rahmat yang dikurniakan oleh-Nya, saya dapat menyiapkan penulisan tesis ini dengan jayanya. Sekalung penghargaan ingin saya ucapkan kepada penyelia saya, Dr. Rosliah Kiting kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk saya menyiapkan thesis ini tepat pada masanya. Jasa dan segala tunjuk ajar yang diberikan kepada saya tidak mungkin akan terbalas. Jutaan terima kasih juga ingin saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya yang banyak memberikan sokongan moral dan galakan sepanjang proses menyiapkan kerja kursus ini. Tidak lupa juga, ucapan penghargaan ini saya tujukan kepada rakan-rakan yang turut memberi peringatan dan sebagai pemudahcara. Mereka membantu saya dengan menjawab setiap kemusykilan umum yang saya utarakan. Tesis ini juga saya jadikan sebagai hadiah bernilai kepada arwah datuk Cikgu Petrus Gaulis yang sangat bercita-cita untuk melihat saya untuk mendapatkan segulung Ijazah Sarjana Bahasa Kadazandusun. Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang pembikinan kerja kursus ini. Terima kasih setinggi langit. Saya amat menghargainya..





ABSTRAK

Karya sastra mempunyai nilai yang dapat mengembangkan perasaan yang tajam terhadap nilai-nilai pada subjek yang mencapai keintiman terhadap sastra. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis struktur, aspek didaktis dan juga fungsi pragmatis yang terkandung dalam tiga buah tangon Kadazandusun terpilih iaitu Si Yanak-yanak dan Mondou, Si Kalabatu dan Ragang Busul serta tangon Si Yontuk dan Gayo Basung. Kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif menggunakan kaedah analisis struktural, analisis didaktis dan pragmatis tangon Kadazandusun. Ringkasnya, pengkaji mendapati bahawa aspek tangon kadazandusun ini kaya dengan binaan tema, watak dan perwatakan serta amanat di dalamnya. Aspek didaktis seperti nilai moral baik hati, berani, tabah dapat dijadikan medium untuk menerapkan nilai-nilai yang baik dalam diri pembaca. Kajian ini juga mendapati bahawa tangon Kadazandusun ini adalah satu bahan bacaan yang baik dan dapat menimbulkan keperibadian yang baik kepada pembacanya kerana ianya memegang fungsi pragmatis seperti salah satu sarana pendidikan, berfungsi sebagai medium pengubah tingah laku disamping menjadi bahan hiburan kepada pembaca dan ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi daya fikir pembacanya untuk berfikir secara rasional dan kritis.



ANALYSIS OF DIDACTIC VALUES AND PRAGMATIC FUNCTION OF THE TANGON KADAZANDUSUN

ABSTRACT

Literary material have values that can develop a sharp sense of values in a subject that achieves intimacy towards literature. This research examines the structure, didactic aspects and also the pragmatic functions contained in three selected tangon Kadazandusun which is Si Yanak-yanak and Mondou, Si Kalabatu and Ragang Busul and tangon Yontuk and Gayo Basung. This study uses a qualitative approach method using structural analysis method, didactic analysis and tangon pragmatic function in tangon Kadazandusun. In short, the researcher found that the aspect of tangon Kadazandusun is rich in the interweaving of themes, characters and characters as well as the message in it. Didactic aspects such as moral values of kindness, courage, perseverance can be used as a medium to apply good values in the reader. The study also found that this tangon Kadazandusun is a good reading material and can evoke a good personality to its readers because it holds a pragmatic function as one of the educational tools, serves as a medium of behavior change as well as entertainment material to the reader and this can indirectly influence the mindset of its readers to think rationally and critically.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xv

SENARAI RAJAH xvii

SENARAI GAMBAR xviii

SENARAI SINGKATAN xix

BAB 1 PENGENALAN 1

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang 5

1.3 Penyataan Masalah 12

1.4 Kerangka Konsep 15

1.5 Objektif Kajian 16

1.6	Soalan Kajian	17
1.7	Kepentingan Kajian	17
1.7.1	Kepentingan Kepada Murid	17
1.7.2	Kepentingan Kepada Pendidik	18
1.7.3	Kepentingan Kepada Penggubal Kurikulum Bahasa Kadazandusun	19
1.7.4	Kepentingan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	20
1.7.5	Kepentingan Kepada Kajian Lanjutan	21
1.8	Batasan Kajian	21
1.9	Definisi Pengoperasian	22
1.9.1	Tangon	23
1.9.2	Sinopsis	24
1.9.3	Tema	24
1.9.4	Watak dan perwatakan	25
1.9.5	Plot	26
1.9.6	Latar	26
1.9.7	Amanat	27
1.9.8	Didaktis	27
1.9.9	Nilai	28
1.9.10	Nilai Moral	29
1.9.11	Analisis	29
1.9.12	Pragmatik	30

1.9.13	Pembelajaran	30
1.9.14	Penghayatan Nilai-Nilai Moral	31
1.10	Rumusan	31
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	33
2.1	Pendahuluan	33
2.2	Kajian Cerita Rakyat	34
2.2.1	Konsep Cerita Rakyat	34
2.2.2	Fungsi Cerita Rakyat	38
2.3	Teori Kajian	39
2.3.1	Teori Penterjemahan	40
2.3.2	Pendekatan Struktural	45
2.3.2.1	Tema	47
2.3.2.2	Watak dan Perwatakan	49
2.3.2.3	Plot	50
2.3.2.4	Latar	53
2.3.2.5	Amanat	54
2.3.3	Pendekatan Moral	55
2.3.3.1	Teori Didaktis & Pragmatis	56
2.3.3.2	Kerangka teori	57
2.3.3.3	Nilai Moral	62
2.4	Nilai Moral dalam Tangon Kadazandusun	64
2.5	Kajian-kajian Lepas	67

2.5.1	Kajian Analisis Struktural	67
2.5.2	Kajian Nilai Didaktis	72
2.5.3	Kajian Fungsi Pragmatis	79

BAB 3 METODOLOGI 87

3.1	Reka Bentuk Kajian	88
3.2	Kaedah Kajian	90
3.3	Cara Mengumpul Data	90
3.4	Sumber Data	92
3.5	Intrumen Kajian	92
3.5.1	Tangon Kadazandusun	93
3.5.2	Dokumentasi	93
3.5.3	Set Soalan temubual tidak berstruktur	95
3.5.4	Peranti mudah alih	95
3.6	Teknik Analisis Data	96
3.7	Prosedur Penelitian	98
3.8	Jadual Kerja Penyelidikan	102
3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	103
3.10	Kajian Rintis	104

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 105

4.1	Pendahuluan	105
4.2	Terjemahan Teks Tangon Kadazandusun	108
4.3	Analisis Struktural Tangon Kadazandusun	116



4.3.1	Sinopsis Si Yanak-Yanak dan Mondou	117
4.3.2	Tema	120
4.3.3	Watak dan Perwatakan	120
4.3.3.1	Si Yanak-yanak	121
4.3.4	Mondou	122
4.3.4.1	Plot	123
4.3.4.2	Latar	123
4.3.4.3	Amanat	126
4.3.5	Si Kalabatu dan Ragang Busul	126
4.3.6	Tema	128
4.3.7	Watak dan perwatakan	128
4.3.7.1	Kalabatu	129
4.3.7.2	Jin Merah	130
4.3.8	Plot	131
4.3.9	Latar	132
4.3.10	Amanat	135
4.3.11	Sinopsis Yontuk dan Si Gayo Basung	135
4.3.12	Tema	138
4.3.13	Watak dan Perwatakan	138
4.3.13.1	Yontuk	138
4.3.13.2	Dongkor dan Tombokoi	139
4.3.13.3	Gayo Basung	140



4.3.14	Plot	140
4.3.15	Latar	141
4.3.16	Amanat	146
4.4	Analisis Nilai Didaktis	147
4.4.1	Nilai Moral	148
4.4.2	Tangon Si Yanak-yanak dan Mondou	151
4.4.2.1	Nilai Moral Berdikari	151
4.4.2.2	Nilai Moral Kerajinan	152
4.4.2.3	Nilai Moral Rasional	153
4.4.3	Tangon Si Kalabatu dan Ragang Busul	154
4.4.3.1	Nilai Moral Keberanian	154
4.4.3.2	Nilai Moral Bertanggungjawab	156
4.4.3.3	Nilai Moral Berterima Kasih	157
4.4.4	Tangon Yontuk dan Si Gayo Basung	158
4.4.4.1	Nilai Moral Berdikari	158
4.4.4.2	Nilai Moral Baik hati	159
4.4.4.3	Nilai Moral Kasih sayang	160
4.4.4.4	Nilai Moral Toleransi	161
4.5	Analisis Fungsi Pragmatis Tangon Dusun	162
4.5.1	Tangon kadazandusun Sebagai Sarana Pendidikan	164
4.5.2	Tangon Kadazandusun Sumber Pengetahuan	167

4.5.3	Tangon Kadazandusun Sebagai Medium Pengubah Perilaku	168
4.5.4	Tangon Kadazandusun Mengajar Nilai Sosial atau Kemasyarakatan	170
4.5.5	Tangon Kadazandusun Membentuk Moral	173
4.5.6	Tangon Kadazandusun sebagai Medium Hiburan	174
4.5.7	Tangon kadazandusun Mencerminkan Nilai Budaya	175
BAB 5	PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN	179
5.1	Perbincangan Kajian	179
5.1.1	Perbandingan Struktur cerita tangon Kadazandusun	179
5.1.2	Perbincangan Nilai Didaktis Tangon Kadazandusun	191
5.1.2.1	Wujud Nilai Moral dalam Hubungan Manusia dengan Diri Sendiri	192
5.1.2.2	Wujud Nilai Moral dalam Hubungan Manusia dengan Manusia lain	196
5.1.2.3	Bertanggungjawab	197
5.1.2.4	Baik Hati	198
5.1.2.5	Kasih Sayang	200
5.1.2.6	Toleransi	201
5.1.3	Perbincangan Fungsi Pragmatis Tangon Kadazandusun	203
5.2	Kewajaran Tangon Kadazandusun dalam pengajaran Bahasa Kadazandusun	215
5.3	Kesimpulan Kajian	216
5.4	Cadangan Kajian	218
5.4.1	Tangon Kadazandusun Mekanisme Penanaman Nilai	218

5.4.2	Kajian Tangon Kadazandusun Digiatkan	218
5.4.3	Kajian Tangon Dusun Memelihara Budaya Sastera Masyarakat Dusun	219
5.4.4	Tangon Kadazandusun sebagai Renungan dan Cerminan	220
5.5	Cadangan Pelestarian Tangon Kadazandusun	220
5.6	Penutup	221
RUJUKAN		223
LAMPIRAN		232

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Nilai Moral dan kata kunci	63
3.1	Struktur Tangon Kadazandusun	94
3.2	Nilai Didaktis Tangon Kadazandusun	94
3.3	Fungsi Pragmatis Tangon Kadazandusun	94
4.1	Terjemahan Tangon Si Yanak-yanak dan Mondou	109
4.2	Terjemahan Tangon Si Kalabatu dan Ragang Busul	111
4.3	Terjemahan Tangon Si Yontuk dan Gayo Basung	113
4.4	Ringkasan Analisis Struktural Tangon Si Yanak-yanak dan Mondou	119
4.5	Ringkasan Analisis Struktural Tangon Si Kalabatu dan Ragang Busul	127
4.6	Ringkasan Analisis Struktural Tangon Si Yontuk dan Gayo Basung	137
4.7	Analisis Nilai Moral dalam tiga tangon Kadazandusun	150
4.8	Analisis Fungsi Pragmatis Tangon Kadazandusun	163
5.1	Perbezaan Tema Tangon Kadazandusun	179
5.2	Persamaan Watak dan Perwatakan dalam Tangon Kadazandusun	182



5.3	Persamaan plot dalam tiga tangon Kadazandusun.	185
5.4	Perbandingan latar dalam tiga tangon Kadazandusun	186
5.5	Perbezaan Amanat dalam Tangon Kadazandusun	189
5.6	Proses Asas Penanaman Padi Sawah di Tambunan	211

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konsep Kajian	16
2.1	Model Proses Penterjemahan (Nida dan Taber, 2003:33)	44
3.1	Reka Bentuk Kajian	89
4.1	Watak dan Perwatakan Yanak-yanak	121
4.2	Watak dan Perwatakan Mondou	122
4.3	Watak dan Perwatakan Kalabatu	129
4.4	Watak dan Perwatakan Ragang Busul	130
4.5	Watak dan perwatakan Yontuk	138



SENARAI GAMBAR

No. Gambar		Muka Surat
4.1	Tangon Si Yanak-yanak dan Mondou Sumber: Perpustakaan Daerah Tambunan Sabah	106
4.2	Ilustrasi Tangon Si Kalabatu dan Ragang Busul dan Tangon Si Yontuk dan Gayo Basung Sumber: Internet	107
5.1	Suasana pembajakan sawah Sumber: Internet	213



SENARAI SINGKATAN

BKD	Bahasa Kadazandusun
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PDP	Pengajaran dan Pembelajaran





SENARAI LAMPIRAN

- A Tangon Ii Yanak-yanak om Mondou
- B Tangon Ii Kalabatu om ii Ragang Busul
- C Tangon Ii Yontuk om Gayo Basung
- D Teks Sinopsis Tangon Si Yontuk dan Gayo Basung daripada Puan Lucy
- E Teks Sinopsis Tangon Si Yanak-yanak dan Mondou daripada Puan Lucy
- F Teks Sinopsis Tangon Si Kalabatu dan Ragang Busul daripada Puan Lucy
- G Deskripsi Nilai Didaktis Tangon Si Yanak-yanak dan Mondou
- H Deskripsi Nilai Didaktis Tangon Si Kalabatu dan Ragang Busul
- I Deskripsi Nilai Didaktis Tangon Si Yontuk dan Gayo Basung



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kurikulum di negara Malaysia ini mencerminkan keunikan kerana mampu membina kandungan pelbagai mata pelajaran bahasa mengikut keperluan etnik-etnik besar yang wujud di Malaysia. Usaha bagi memperkenalkan mata pelajaran bahasa etnik bertujuan untuk mengukuhkan Pengenalan subjek Bahasa Kadazandusun (BKD) di sekolah-sekolah negeri Sabah telah diperuntukkan dalam tafsiran Akta Pendidikan Negara (Rosneh Wasli, 2013). Sejak zaman berzaman orang Kadazandusun telah mendiami sebahagian besar kawasan di Borneo Utara. King (1984), menyatakan bahawa istilah Kadazandusun ini dikategorikan sebagai Dusun, Kadazan, Kadazandusun, manakala Kadazandusun berdasarkan bahasa dan pola penempatan kelompok etnik di sekitar Borneo. Dari segi bahasa pribumi di Sabah, ianya dibahagikan kepada tiga jenis rumpun bahasa iaitu Dusunik, Murutik dan Paitanik. Penutur rumpun Bahasa Dusunik merupakan etnik yang memakai gelaran Dusun, Kadazan dan Kadazan Dusun serta kebanyakan kelompok tersebut telah menghuni kawasan pedalaman, pesisir pantai



Utara dan Barat. Manakala penutur Murutik menetap di kawasan bukit dan Paitanik pula mendiami pedalaman Sabah di sekitar sungai-sungai. Secara tradisional, mereka mendiami kawasan di pantai barat dan tanah rata pedalaman negeri Sabah serta mempunyai kesamaan asas dari segi sejarah lisan, struktur sosial, sistem keturunan, kepercayaan, pertanian, kebudayaan dan amalan adat istiadat.

Menurut Saryono (2009), sastera itu bukan hanya sekadar artifak atau barang mati, malah ia merupakan sosok yang hidup dalam komuniti. Sebagai sesuatu yang hidup, sastera berkembang secara dinamik menyertai unsur-unsur lain yang ada dalam politik, ekonomi, kesenian dan juga kebudayaan. Sehingga ianya mampu untuk menjadi petunjuk ke jalan yang benar kerana sastera yang baik itu adalah sastera yang ditulis dengan prinsip yang memegang kejujuran, kebeningan, kesungguhan, kearifan dan keluhuran nurani si penciptanya. Sastera yang baik juga mampu untuk memberi peringatan, penyedaran dan mengembalikan manusia ke jalan yang seharusnya ditujui dalam kehidupan ini demi menunaikan tugas-tugas kehidupan (Saryono, 2009). Oleh kerana sastera yang baik dikarang dengan penuh kejujuran, kesungguhan, kearifan, dan keluhuran nurani manusia ianya ditulis pada waktu yang tertentu dikaitkan dengan norma dan budaya suatu masyarakat dan si penulisnya adalah bahagian daripada masyarakat ataupun dia menempatkan dirinya dalam sesebuah masyarakat.

Masyarakat Kadazandusun banyak mewarisi budaya daripada nenek moyang mereka. Salah satu daripadanya adalah sastera tangon, yang merupakan cerita tradisi yang mereka warisi hasil daripada hafalan secara turun temurun tanpa diketahui penciptanya. Oleh kerana pada dasarnya ketika zaman dahulu adalah bersifat *little tradition and primitive*, maka mereka belum menguasai sistem tulisan dan bacaan. Jadinya, tradisi lisan adalah keutamaan mereka dan masih kurang pendokumentasian





meskipun sehingga kini (Julita @ Norjietta Bt Taisin, 2014 & Minah Sintian, 2015). Tangon juga dikenali sebagai cerita rakyat, seperti mana juga Baribin (1985), menyatakan bahawa ianya merupakan cerita-cerita yang dimiliki oleh sesuatu bangsa sejak tiadanya sistem tulisan, diturunkan secara turun-temurun dari mulut ke mulut (lisan) oleh nenek moyang.

Karya sastera Kadazandusun yang dipegang kukuh sehingga ke hari ini memainkan fungsi sebagai penghalus budi, peningkatan rasa kemanusiaan dan rasa peduli sosial, menimbulkan penghargaan kepada budaya, dan imajinasi, secara lisan mahupun tertulis. Bidang pengkaryaan sastera ini juga membuka ruang kepada pencipta untuk menzahirkan daya kreatif dan sensitiviti berdasarkan olahan pemikiran dan pengalaman ke dalam bentuk karya untuk diturunkan kepada generasi ke generasi yang seterusnya. Tidak dinafikan, perkembangan ilmu dan teknologi yang pesat banyak mengubah dan mempengaruhi tata kehidupan generasi baru. Oleh itu, generasi muda pada masa kini ramai antaranya kurang terdedah dengan karya sastera tradisional masyarakat Kadazandusun kerana mereka lebih banyak meluangkan masa dengan hiburan dari televisyen malah media sosial. Bahkan ada antaranya tidak mempunyai pengetahuan tentang tangon Kadazandusun. Oleh itu, ianya adalah satu kekurangan bagi mereka jika tidak terdedah dengan tangon Kadazandusun yang sarat dengan nasihat, pengajaran dan nilai murni semasa berada dalam fasa pendewasaan mereka.

Dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah menengah Sabah, karya sastera seperti tangon Kadazandusun ini adalah salah satu elemen yang diajarkan kepada pelajar untuk mengetahui dan melestarikan karya-karya sastera tradisional ini. Pendidikan karya sastera dan penerapan nilai moral tidak dapat dipisahkan dan saling berkait rapat. Penerapan nilai ini diterapkan dalam semua mata pelajaran di sekolah





kerana pendidikan memainkan peranan utama bagi membina nilai-nilai positif kepada masyarakat menuju wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri yang ke-lapan iaitu, Tun DR Mahathir Mohamad. Salah satu objektifnya adalah untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh. Matlamat pendidikan negara adalah berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Rakyat yang bakal dilahirkan menerusi FPK termasuklah individu yang berakhlak mulia. Ini merujuk kepada tingkah laku yang bersopan santun, berdisiplin dan bersepadu serta mengamalkan nilai-nilai kebaikan dalam kehidupan seharian. Pernyataan ini disokong lagi dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mana salah satu daripada tunjang utama dalam kerangka kurikulum adalah Kerohanian, Sikap dan Nilai (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Daripada itu, pelajar akan dapat membezakan yang mana baik dan buruk disamping mempunyai keyakinan terhadap nilai-nilai murni dalam kehidupan.



Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selain yang ditetapkan dalam standard kandungan seperti yang terkandung dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Antara elemen yang terkandung adalah nilai moral. Nilai moral diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya. Selain itu, nilai murni itu juga merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan akan menjadi amalan dalam kehidupan harian (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Mengacu kepada pernyataan-pernyataan ini, dapat disimpulkan bahawa elemen yang harus dikembangkan dalam diri pelajar





tidak hanya terhad kepada kecerdasan intelektual, malah turut diberi perhatian khusus kepada potensi keperibadian, penjagaan diri serta moral.

Hakikat bahawa tangon Kadazandusun ini mempunyai kekuatan dari segi pengolahan jalan cerita kerana setiap isinya penuh dengan nilai yang dapat mendidik masyarakat wajarlah karya sastera tradisional ini diketengahkan sebagai bahan kajian bagi mengangkat karya ini sebagai agen pembentuk manusia menjadi lebih baik disamping menzahirkan kehidupan yang lebih harmoni pada zaman milenial kini. Dengan menggiatkan tangon Kadazandusun kepada peserta didik melalui pembelajaran yang mengandungi nilai-nilai yang berguna akan dapat meningkatkan kemampuan menganalisis pelajar sekolah terhadap karya sastera.



1.2 Latar Belakang

Sastera adalah karya seni indah yang mencerminkan pelbagai gambaran peristiwa kehidupan yang menarik dan mempunyai fenomena dengan penggunaan bahasa sebagai media utama penyampaiannya. Sastera juga merupakan satu bentuk karya yang dapat dinikmati dan mempunyai nilai-nilai yang bermanfaat bagi penikmat mahupun pembacanya. Hal ini sebagaimana disokong oleh Sutresna (2006) bahawa “sastera merupakan karya seni yang mengungkapkan peristiwa kehidupan dengan menggunakan bahasa sebagai mediumnya”. Selain itu, Damono (2002) juga mendeskripsikan bahawa “sastera memberikan penanggapan penilaian terhadap kehidupan yang ada di masyarakat”. Sastera ditandai dengan beberapa unsur khusus yang mampu membentuk tamadun dan peradaban sesuatu masyarakat selain





memperlihatkan sikap dan pandangan pengarangnya (Irba'ie et al, 2008). Sastera juga akan dapat membina ruang peribadi dan mengembalikan rasa kemanusiaan kepada penikmatnya.

Kesusasteraan rakyat atau lebih dikenali sebagai tradisi lisan merupakan akar titik tolak bermulanya perkembangan kesusasteraan moden kini. Kesusasteraan menurut Harun Math Piah, et. Al (2006) adalah segala sastera yang telah dihasilkan dinikmati atau disampaikan, sama ada melalui lisan dan pembacaan. Sastera rakyat ialah hasil sastera milik sesuatu kumpulan masyarakat yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi yang lain secara lisan (Harun Mat Piah, et al., 2006). Diantara peranan sastera rakyat adalah untuk memberi gambaran hidup sesuatu masyarakat yang biasanya didapati melalui tema, jalan cerita, dan mesej yang disampaikan melalui penceritaan. Kemudian memahami nilai budaya, moral, kemasyarakatan, kekeluargaan, agama dan sebagainya yang ada pada masyarakat yang melahirkannya. Sastera ini adalah satu bidang seni kreatif yang disampaikan melalui bahasa. Abu Bakar Hamid (1997: 13) juga menegaskan bahawa pengertian sastera sebagai satu seni yang bercorak intelektual dan merupakan gabungan kepuasan intelek dan kepuasan estetik.

Tangon-tangon dalam bahasa Kadazandusun merupakan koleksi cerita sastera yang diwarisi oleh masyarakat Dusun melalui penghafalan yang diterima daripada orang yang lebih dewasa (Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin, 2017). Tangon merupakan cerita-cerita yang diperolehi dalam jenis mitos, asal usul, binatang dan lain-lain lagi. Bidang sastera ini mempunyai pemakaian bahasa yang melibatkan moral, oleh itu koleksi tangon ini boleh dimanfaatkan dalam kehidupan seharian. Menurut Florina Jumil & Norjietta Julita Taisin (2017), nilai yang dikatakan selalunya ditafsirkan secara





subjektif tetapi nilai tersebut mempunyai bentuk keobjektifannya sendiri. Umumnya, kaum Kadazandusun mewarisi banyak khazanah warisan sejak turun-temurun daripada nenek moyang mereka yang kaya dengan unsur nasihat dan hiburan serta mampu menjadi bahan didikan kepada generasi masa dahulu sehingga kini. Tangon Kadazandusun ini bukan hanya dimanfaatkan untuk anak-anak, malah juga elok dimanfaatkan oleh orang dewasa, masyarakat, dan segenap lapisan masyarakat.

Tangon Kadazandusun merupakan sastera yang hidup dan tumbuh dalam masyarakat Dusun di Sabah. Menurut Wallek dan Warren, Luxemburg dalam penulisan Wiyatmi (2006) memberikan beberapa definisi tentang sastera, (a) sastera merujuk kepada sebuah ciptaan, sebuah penciptaan yang mendalam, pertama-tama sebuah tiruan; (b) sastera juga merupakan luapan emosi yang spontan; (c) sastera bersifat autonomi, tidak mengacu pada sesuatu yang lain; (d) sastera mengungkapkan yang tidak terungkapkan menjadi satu yang nyata. Maka karya sastera itu nyata bahawa ianya tidak terlepas dari membawa nilai-nilai yang baik untuk dicontohi. Hal ini juga sebagaimana yang dinyatakan oleh Sumardjo (1992) “karya sastera merupakan karya seni yang mempunyai nilai-nilai yang berasal dari hasil pencerminan dan ciptaan bermakna estetika pengarang yang diserapnya dari kebudayaan masyarakat setempat”. Nilai yang terkandung tersebut dapat dijadikan sebagai bentuk nilai-nilai pendidikan yang dapat mendidik dan mengajar golongan pembaca ke arah yang lebih positif.

Usaha bagi menerapkan nilai moral adalah satu usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju mengikut acuan sendiri seperti yang digagaskan dalam Wawasan 2020 iaitu semakin maju negara, semakin tinggi pengamalan nilai murni dalam kalangan rakyat. Penerapan nilai-nilai ini dengan secara langsung adalah melalui pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran manakala nilai-nilai moral disampaikan





secara tidak langsung melalui penerapan nilai-nilai moral menerusi aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks mata pelajaran Bahasa Kadazandusun, selain daripada memupuk minat membaca dan memperkukuh kemahiran berbahasa, sastera juga berperanan dalam pembentukan sahsiah pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Matlamat negara Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 telah menggariskan nilai akhlak dan moral sebagai tunjang utama. Menurut Amir Hasan Dawi (2002), sebuah negara yang maju akan lebih bermakna, mulia dan bahagia jika disokong atas dasar pengamalan sikap dan amalan nilai murni yang menjadi amalan dalam hati dan jiwa setiap kalangan masyarakatnya. Sehubungan itu, pemupukan akhlak dan nilai moral yang tinggi sejak dari awal usia lagi akan membentuk individu dan bangsa Malaysia yang bukan sahaja maju dari aspek fizikal malahan harmoni dari aspek ketahanan mentalnya. Bak kata pepatah, melentur buluh, biarlah dari rebungunya.



Jelaslah bahawa sistem pendidikan di Malaysia bukan hanya sekadar fokus untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Malah kini lebih mengutamakan pengamalan nilai yang menyeluruh bagi setiap individu. Oleh hal yang demikian, guru yang bertindak sebagai agen pembentuk bangsa perlu berwaspada dalam arus pembangunan pendidikan. Sebagai warga pendidik yang bertanggungjawab memikul hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia, seorang guru perlu bijak mentafsir dan mengaplikasikan hasrat dan nilai yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara dalam membentuk generasi yang berakhlak mulia serta bertanggungjawab terhadap impian negara.

Pada tahun 1995, Kelulusan Parlimen pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah telah diperolehi setelah diusulkan oleh Parti Demokratik Sabah (PDS) dibawah pimpinan Tan Sri Bernard Dompok pada tahun





1994. Dengan adanya kelulusan tersebut, Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia diberi tanggungjawab untuk membina kurikulum mata pelajaran Bahasa Kadazandusun (BKD). Pelaksanaan bagi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah menengah adalah susulan pengumuman Menteri Pendidikan Malaysia Datuk Seri Najib Tun Razak dalam sidang akhbar semasa pelancaran Kongres Pendidik Kadazandusun di Maktab Perguruan Gaya pada 13 Februari 1999 bahawa Bahasa Kadazandusun akan ditawarkan di sekolah menengah. Pelaksanaan mata pelajaran bahasa murid (POL) diperuntukan masa 120 minit di sekolah dalam seminggu. Iaitu bagi sekolah menengah ditetapkan satu masa di dalam jadual waktu sekolah dan dua masa dalam jadual waktu yang dipanjangkan (Logijin, Sandra, 2011).

Beralih kepada cabaran utama guru Bahasa Kadazandusun sekolah menengah

kerajaan di negeri Sabah kini, adalah untuk melengkapi pelajar dengan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi cabaran yang mendatang sebagai individu dan ahli masyarakat yang berdaya saing. Pada era globalisasi ini, guru Bahasa Kadazandusun perlu meningkatkan kualiti pengajaran. Mereka perlu menerapkan unsur kreativiti yang menambah nilai pada usaha-usaha meningkatkan pembelajaran pelajar. Hal ini bermaksud, pengajaran dan pembelajaran perlu membawa pengalaman hidup yang bermakna semasa di dalam bilik darjah, menyediakan dan mengamalkan model yang boleh menjadi teladan kepada pelajar. Penerapan nilai moral kepada murid sekolah adalah sangat diberi penekanan dalam setiap subjek KSSM dan mata pelajaran BKD tidak terkecuali.

Dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Kadazandusun (BKD), bahan pengajaran memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai didaktis kepada masyarakat. Guru memainkan peranan penting dalam pembentukan perkembangan





pembelajaran murid-murid di sekolah, dengan kata lain guru menyampaikan ‘bahan mentah’ yang ditetapkan oleh sistem pendidikan. Bahan pengajaran yang diunjurkan dalam kajian ini sebagai bahan pengajaran adalah tangon Kadazandusun itu sendiri. Sepertimana menurut Mohd Firdaus & Normaliza (2016), cerita rakyat sarat dengan perutusan nilai. Ini diterjemahkan menjadi nasihat melalui pengajaran kerana pada dasarnya sastera bukanlah terhad kepada ilmu sahaja, tetapi ianya muncul dari salah satu cabang seni yang memerlukan penafsiran individu. Sastera justeru adalah luahan pemikiran pengarang yang berbentuk pandangan, idea, perasaan, dan pemikiran yang menggunakan bahasa sebagai medium penyampaian.

Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (PPPM) Malaysia, menyatakan anjakan ketiga laluan pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan murid yang menghayati nilai kerana murid kini akan mewarisi dunia yang penuh dengan cabaran hebat daripada kemusnahan alam sekitar hinggalah kepada konflik senjata. Untuk berjaya mengharungi cabaran ini mereka perlu nilai yang dapat membimbing mereka dalam membuat keputusan beretika. Pada masa yang sama, pembangunan warganegara yang global perlu diimbangi dengan pembangunan identiti nasional yang kukuh. Sekiranya ini berjaya, nilai yang dipelajari melalui pembacaan tangon Kadazandusun akan diamalkan dalam kehidupan seharian, yang mana akan menghasilkan tingkah laku sivik, peningkatan dalam aktiviti kemasyarakatan, penerimaan individu berlainan bangsa, agama dan teknik, menghindari perbuatan rasuah dan jenayah serta menunjukkan tingkah laku amanah dan berintegriti. Menurut Amienudin (2002) istilah nilai adalah sebagai peninggian keyakinan atau perasaan yang memberikan corak khusus kepada cara pemikiran manusia, perasaan, keterbatasan mahupun tingkah laku. Sedangkan menurut Daroeso (1986) nilai merujuk kepada sesuatu atau hal yang dapat





digunakan sebagai dasar untuk menentukan tingkah laku seseorang, kerana sesuatu hal itu menyenangkan (pleasant), memuaskan (satisfying) menarik (interest), berguna (believe).

Dalam konteks pembelajaran tangon Kadazandusun para pelajar perlu menganalisis nilai-nilai moral yang terdapat dalam tangon dengan menggunakan kaedah penceritaan atau fiksiyen. Contohnya, nilai berdikari dapat diterapkan kepada pelajar menerusi karakter berdikari yang dipersembahkan dalam watak-watak yang digambarkan oleh penulis dalam jalan cerita. Dengan secara langsung pelajar akan dapat membaca, menghayati dan dipupuk untuk mencontohi nilai berdikari tersebut seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, setiap cerita-cerita rakyat yang didengari atau dibaca oleh masyarakat itu akan berupaya meresapkan idea dalam pemikirannya dan akan kekal menjadi ingatan sampai bila-bila. Cerita rakyat kaum Kadazandusun ini sangat menarik dan penting untuk diketahui manfaatnya. Selain daripada penggunaan bahasa-bahasa yang indah dan tersusun, sastera ini diiringi dengan unsur akaliah. Dalam erti kata lain, seseorang pengarang atau penyampai perlu memikirkan perutusan, amanat, atau lontaran idea yang ingin disampaikan atau dikongsi dan direnungi bersama pembaca mahupun pendengar (Arba'ie et al, 2008). Unsur akaliah ini merupakan langkah pertama yang perlu ditetapkan sebelum terhasilnya sesebuah karya. Jika baik olahan idea, amanat, dan nilai dalam setiap cerita-cerita rakyat tersebut, ia selayaknya akan mampu membentuk nilai moral yang tinggi kepada masyarakat. Justeru, pada penelitian ini, objek penelitian karya sastra yang pengkaji gunakan adalah jenis karya sastera cerita pendek atau tangon.





Pemupukkan amalan nilai moral di peringkat sekolah adalah salah satu senjata utama meyumbangkan pembentukan masyarakat yang harmoni bagi mencapai status negara maju. Hal ini adalah kerana nilai mengandungi harapan atau sesuatu yang diinginkan oleh manusia. Oleh kerana nilai bersifat normatif merupakan keharusan (Dassollen) untuk diwujudkan dalam tingkah laku dalam kehidupan manusia. Menurut Mok Soon Sang (2003), aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sering dikaitkan dengan hidup nyata akan lebih difahami serta diingati berbanding berasaskan buku semata. Oleh hal yang demikian, kajian tentang nilai didaktis dan fungsi pragmatis tangon Kadazandusun, secara tidak langsung adalah usaha untuk mengangkat bahan pengajaran yang dapat membentuk perubahan sikap, watak, perilaku, adab sopan dan akhlak dalam kalangan murid mengikut kurikulum agar dapat dijayakan dengan berkesan dalam kalangan pelajar di bahagian daerah Sabah. Pengkaji berpendapat bahawa kajian yang berkaitan dengan nilai didaktis dan pragmatis ini perlu dilakukan bagi mengangkat sastera rakyat kaum Kadazandusun secara tidak langsung khususnya tangon-tangon dalam dunia pendidikan bagi mencapai matlamat khusus FPK.

1.3 Penyataan Masalah

Adalah penting untuk mendalami tangon-tangon sastera Kadazandusun yang telah diwarisi daripada nenek moyang. Sastera ini diterapkan dari satu generasi ke satu generasi agar ianya turut terpelihara. Seiring waktu berjalan yang sememangnya semakin moden, keberadaan cerita rakyat ini yang memegang banyak falsafah hidup mulai ditinggalkan. Oleh itu, adalah menjadi satu usaha yang baik sekiranya kajian-kajian cerita rakyat Kadazandusun ini digiatkan agar tidak hilang ditelan zaman.





Sehubungan itu, Hadijah Rahmat (2006) berpendapat bahawa bahan-bahan bacaan termasuk karya sastera adalah alat hiburan dan pendidikan yang penting khususnya untuk kanak-kanak. Masalah yang dapat dilihat pada waktu ini adalah masih kurangnya pengungkapan aspek nilai didaktis dan fungsi pragmatis yang terdapat dalam tangon Kadazandusun. Rata-rata kajian terdahulu dalam tangon Kadazandusun hanya mengetengahkan tentang aspek nilai, nilai moral dan nilai murni sahaja dalam kajian mereka. Ini menyebabkan aspek didaktis dan fungsi pragmatis tangon kurang mendapat perhatian oleh pengkaji yang sedia ada. Kajian bersifat ilmiah tentang cerita rakyat masyarakat Dusun belum lagi dikaji secara sistematik, kajian ini berhasrat untuk mengisi ruang tersebut. Selain daripada itu, tangon Kadazandusun masih kurang pendokumentasian menyebabkan generasi baru kurang terdedah dan kurang minat dalam membaca tangon, Oleh itu kajian ini megangkat tangon Dusun dalam pengajaran di sekolah untuk mnyuburkan semula tangon Kadazanduusun yang semakin lenyap.

Kurikulum pengajaran Bahasa Kadazandusun memegang kepercayaan kepada agama, sikap yang baik dan nilai yang baik dalam kehidupan. Penyemaian amalan nilai menjadi asas kepada kurikulum yang tersirat dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun. Iaitu perlakuan, perancangan dan tindakan untuk menggubal, membina dan melaksanakan kurikulum yang tidak dinyatakan secara bertulis tetapi turut berfungsi dalam membina hati, akal dan jiwa murid agar menjadi individu yang berguna dan dapat meneruskan tradisi hidup dan masyarakat. Bahan pengajaran yang digunakan di dalam kelas mampu mempengaruhi corak pemikiran, pembentukan personaliti dan emosi masyarakat. Pengalaman pelajar adalah terhad berbanding dengan orang dewasa lantaran itu, mereka perlu diperkenalkan dengan pengalaman pembelajaran yang






menarik dan menyeronokkan jika guru memanfaatkan tangon Kadazandusun dalam menjana nilai positif dalam diri mereka.

Karya sastera akan dapat membawa setiap pembaca untuk berimajinasi dengan bebas menurut jalan cerita. Pembaca bebas untuk berimajinasi tentang pembawaan setiap tokoh, latar dan suasana dalam cerita yang akhirnya membawa kepada kesan positif kepada pembacanya. Kesusasteraan itu telah dianggap sebagai satu cerminan kehidupan yang menekankan nilai moral dan dijadikan sebagai wahana untuk menyempurnakan kehidupan manusia seharian. Setiap kata-kata yang dinyatakan dalam karya sastera memainkan peranan penting. Tegasnya, karya sastera dalam apa-apa bentuk, banyak mencerminkan nilai moral yang diamalkan oleh manusia. Oleh itu, kajian tangon Kadazandusun yang diangkat sebagai bahan pengajaran ini dilakukan kerana masih kurang pengungkapan nilai moral dalam tangon Kadazandusun dalam pendidikan lagi pula memainkan peranan yang penting dalam melahirkan banyak nilai moral kepada pelajar Dusun. Apabila mereka tidak diselimuti dengan nilai murni dan jati diri sejati sejak dari awal lagi, kesannya akan terasing jauhlah budaya dan akal budi, sekali gus menjadikan mereka bangsa yang hilang akhlak dan rosak peribadi. Kajian ini sekaligus dilakukan bertujuan untuk menonjolkan nilai didaktis dan fungsi pragmatis tangon Kadazandusun yang sewajarnya kepada semua yang meneliti penulisan ini.



1.4 Kerangka Konsep

Kerangka konsep dalam kajian ini telah didaptasi daripada kajian oleh Hasrianti Arsyad (2017). Kerangka konsep ini berbentuk gambar rajah dan dibina berdasarkan teori-teori dan dapatan daripada kajian-kajian lepas. Ianya sekaligus akan memberikan gambaran secara menyeluruh bagi fokus kajian demi mencapai objektif yang telah disasarkan. Kajian ini akan melalui dua fasa utama, yang pertama adalah fasa menterjemah dan seterusnya menganalisis tangon dari sudut struktural, nilai didaktis dan fungsi pragmatismya. Penganalisan tangon dari sudut strukturnya adalah untuk mengetahui kebermanfaatan cerita tersebut kerana ia merupakan satu binaan yang abstrak dan saling mempunyai kaitan. Perbincangan kajian akan dilakukan setelah selesai menganalisis data-data. Dalam fasa pertama, teori penterjemahan daripada Norizan et.al telah diaplikasikan. Kerangka konsep berikut bertujuan agar pembaca lebih memahami penelitian yang dijalankan. Rajah 1.1 memberikan gambaran visual yang jelas dan mudah difahami fasa-fasa yang akan dilalui dalam menyempurnakan kajian ini.



Rajah 1.1. Kerangka Konsep Kajian

1.5 Objektif Kajian

Terdapat beberapa objektif kajian ini dijalankan, iaitu:

1. Mengkaji tiga teks tangan Kadazandusun menggunakan pendekatan struktural yang meliputi tema, watak dan perwatakan, serta amanat.
2. Mengulas nilai didaktis yang terdapat dalam ketiga-tiga teks tangan Kadazandusun.
3. Menganalisis fungsi pragmatis tangan Kadazandusun.



1.6 Soalan Kajian

Kajian ini memuatkan beberapa soalan kajian agar kajian ini dapat disempurnakan sesuai dengan objektif kajian, antaranya adalah:

1. Apakah tema, watak dan perwatakan, dan amanat yang terdapat dalam tiga tangon Kadazandusun?
2. Apakah aspek-aspek didaktis yang terdapat dalam ketiga-tiga teks tangon Kadazandusun yang dipilih?
3. Apakah fungsi pragmatis tangon Kadazandusun?

1.7 Kepentingan Kajian



Sebuah kajian mestilah memegang makna agar ianya memberi implikasi yang baik dalam memperbaiki sesuatu isu atau permasalahan kajian bagi kajian yang akan dijalankan. Dalam kajian ini, pengkaji mensasarkan agar kajian ini mendapat memberikan manfaat kepada beberapa pihak. Kajian ini diharapkan akan dapat memberikan gambaran yang sebenar kebaikan memanfaatkan tangon Kadazandusun.

1.7.1 Kepentingan Kepada Murid

Secara umumnya pendidikan ini juga adalah satu proses untuk mendidik, mengasuh serta memperkembangkan daya pemikiran pelajar dari segi akhlak dan akademik. Justeru, daripada penggunaan tangon semasa sesi pembelajaran dapat memberikan





peluang kepada murid untuk mendalami nilai-nilai moral yang mampu mendidik masyarakat seperti mana yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pengajaran nilai-nilai murni kepada pelajar juga adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah yang mulia. Pelajar juga akan mampu melahirkan apresiasi terhadap karya sastera tangon Kadazandusun agar ianya tetap menjadi sastera yang mapan dan masih wujud sehingga ke waktu kedepannya. Kajian ini mampu menonjolkan kaedah pembelajaran yang sesuai untuk murid semasa pengajaran tangon. Kerana ianya adalah penting bagi mendedahkan nilai-nilai moral, dan pendidikan yang perlu dihayati dan diamalkan di dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun sebagai alat untuk mendidik bangsa. Pemanfaatan tangon kadazandusun sebagai bahan bantu ajar adalah sangat berkesan kerana ianya dapat menimbulkan pelbagai perasaan kepada para pelajar. Ia juga akan dapat menarik minat pelajar terhadap karya sastera pada zaman dahulu yang jarang mereka dengar pada masa kini. Ini sekaligus akan melahirkan generasi yang menghargai tangon Kadazandusun dan dapat mengapresiasi tangon ini dalam kehidupan seharian.

1.7.2 Kepentingan Kepada Pendidik

Penyelidikan yang dijalankan ini akan menambah bahan bantu mengajar dan teknik mengajar kepada para guru Bahasa Kadazandusun. Ini akan memberikan bantuan kepada guru untuk menyampaikan ilmu pengetahuan yang berkesan. Dengan pengaplikasian model pengajaran nilai moral yang diketengahkan dalam kajian ini dapat membantu guru untuk merancang pengajaran dengan lebih mudah disamping dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran dalam mata pelajaran



BKD. Maka dengan itu, kajian ini adalah diharapkan akan membantu memberikan maklumat tambahan bagaimana pengajaran amalan nilai-nilai moral kepada pelajar dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin kelak dengan memanfaatkan tongon kadazandusun sebagai alat bantu mengajar demi menjadikan sesi pengajaran berjalan dengan seronok. Kajian ini dijalankan agar memberi kesedaran kepada warga pendidik betapa tongon Kadazandusun ini melalui penyampaian cerita akan dapat menyemai sikap yang lebih positif dalam diri pelajar. Oleh itu, dengan menggunakan tongon ini sebagai salah satu bahan bantu mengajar senesa subjek BKD akan dapat merealisasikan fungsi sebenar tongon Kadazandusun kepada pelajar dan masyarakat.

1.7.3 Kepentingan Kepada Penggubal Kurikulum Bahasa Kadazandusun

Kajian ini dapat menambah pengisian kurikulum Bahasa Kadazandusun dari aspek nilai. Para penggubal akan dapat menambah perisian pengajaran berdasarkan model pengajaran dalam kajian ini kerana memang telah terdapat isi pengajaran nilai dalam buku teks BKD namun, tidak menyeluruh. Oleh itu, kajian ini boleh dijadikan rujukan dalam mengembangkan isi-isi kurikulum BKD yang akan datang. Kajian ini akan memberikan gambaran yang jelas betapa pentingnya penggunaan tongon Kadazandusun dalam silibus pelajaran di sekolah kerana ianya sarat dengan nilai pendidikan, nilai moral dan nilai murni. Kajian ini diharapkan akan memberi ruang kepada tongon-tongon Kadazandusun untuk dimuatkan dalam buku teks ataupun dalam sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Kadazandusun di peringkat menengah atau sekolah rendah. Ini akan menjadikan pengajaran berasaskan buku teks lebih



menarik minat dan pada masa yang sama dapat dijadikan sebagai medium penyampai nilai moral dan nilai murni secara tidak langsung.

1.7.4 Kepentingan Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil berat tentang Elemen Merentas Kurikulum (EMK) iaitu unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (pdp). Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan ketrampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Salah satunya adalah nilai murni yang diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid akan dapat mengamalkannya.

Nilai murni ini justeru merangkumi segala aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memartabatkan sistem pendidikan dengan lahirnya pelajar yang bijaksana dan memegang nilai yang baik dalam kehidupan. KPM diharapkan akan dapat mengangkat karya tangan Kadazandusun agar lebih banyak dimuatkan di dalam buku teks agar ianya menjadi sebahagian daripada pembelajaran semasa subjek BKD di sekolah rendah mahupun menengah.





1.7.5 Kepentingan Kepada Kajian Lanjutan

Penyelidikan dijalankan bagi menambah rujukan bagi penyelidikan yang berkaitan dengan pengajaran nilai pada masa hadapan. Diharapkan juga kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang pengajian pendidikan Bahasa Kadazandusun yang mana ia dapat memberi maklumat baru bagi kegunaan kajian-kajian yang akan datang. Semoga kajian ini dapat memberi faedah kepada semua pihak dan mampu memberi garis panduan dalam bidang yang berkaitan. Penelitian ini juga diharapkan akan dapat dijadikan bahan untuk mengembangkan teori sastera dan wacana analisis sastera, serta dapat dimanfaatkan bagi mahasiswa pemerhati sastera dan masyarakat umum agar memperoleh suatu pengetahuan yang lebih mendalam tentang nilai moral dalam sastera.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan analisis terhadap tiga tangon Kadazandusun yang terpilih iaitu tangon Si Yanak-yanak dan Mondou, Si Kalabatu dan Ragang Busul serta Si Yontuk dan Gayo Basung. Tangon ini telah dipilih berdasarkan konteks temanya yang berlainan. Tangon dipilih berdasarkan analisis kesesuaian pemilihan teks bagi genre cerpen dan novel KOMSAS dalam Pendidikan Bahasa Melayu, Ariff Mohamad (2009) mencadangkan sebanyak enam kriteria yang perlu diambil perhatian sebelum memilih mana-mana teks untuk dijadikan bahan pengajaran sastera. Enam ciri tersebut ialah teks yang mudah difahami dan menarik, berupaya untuk meningkatkan kemahiran bahasa pelajar, mengandungi nilai-nilai murni, memegang ciri baik dan berkualiti, sesuai dan





dapat dihayati serta teks yang mudah difahami ketika dibaca. Kajian analisis struktural pula hanya terbatas kepada analisis tema, watak dan perwatakan, nilai moral serta amanat dalam tangon Kadazandusun.

Selain daripada itu, kajian yang dilakukan akan fokus kepada kaedah triangulasi pengumpulan data melalui kaedah temubual, analisis dokumen serta nota lapangan. Bidang pengkajian analisis sastera mempunyai beberapa teori yang terkait, oleh itu untuk menyempurnakan penulisan ini teori-teori berkaitan yang relevan telah dijadikan sebagai panduan. Antaranya adalah teori terjemahan akan digunakan untuk menterjemahkan teks tangon Kadazandusun ke dalam bahasa Melayu. Lalu pendekatan struktural pula digunakan untuk menganalisis tema, watak dan perwatakan, nilai moral serta amanat yang terkandung dalam tiga tangon Kadazandusun. Pendekatan moral turut digunakan dalam kajian ini yang merujuk kepada teori analisis didaktis pula digunakan untuk menganalisis nilai didaktis dan fungsi tangon Kadazandusun. Teori didaktis akan membantu pemahaman dari sudut konsep nilai pragmatis moral. Justeru kajian ini hanya akan memfokuskan kepada aspek yang relevan saja agar tidak lari dari batasan kajian.

1.9 Definisi Pengoperasian

Bahagian ini mengemukakan beberapa istilah yang digunakan dalam kajian ini. Definisi ini membantu penyelidik dalam memahami setiap istilah yang dibincangkan dan mengelak daripada menyalahi apa yang sepatutnya dipegang sepanjang





menyempurnakan menjalankan kajian ini. Definisi ini sangat memainkan peranan penting agar pembaca akan dapat memahami perjalanan kajian yang ditulis ini.

1.9.1 Tangon

Tangon juga dikenali sebagai cerita rakyat dalam bahasa Melayunya. Menurut Sisyono (2008), tangon-tangon adalah cerita-cerita yang lahir, hidup dan berkembang secara turun-temurun dalam masyarakat tradisional sama ada masyarakat tersebut sudah mengenali huruf ataupun belum, disebarkan secara lisan, mengandungi sifat survival, bersifat anonim, serta disebarkan di antara kolektif tertentu dalam kurun waktu yang cukup lama. Ringkasnya tangon adalah cerita rakyat yang telah diceritakan pada zaman dahulu yang hidup dalam kumpulan masyarakat dan diwariskan secara lisan dari satu generasi ke generasi yang lain. Tangon yang berupa cerita rakyat adalah sebahagian daripada kekayaan budaya dan sejarah yang dimiliki bangsa Kadazandusun di Sabah. Pada umumnya, cerita rakyat yang dipilih dalam kajian ini mengisahkan tentang sesuatu kejadian di suatu tempat atau asal suatu tempat. Tokoh-tokoh yang dimunculkan dalam cerita rakyat umumnya diwujudkan dalam bentuk binatang, manusia dan juga jin. Taylor dalam penulisan Danandjaja (2003) juga menyokong bahawa folklor adalah satu bahan yang diwariskan secara tradisi, melalui kata-kata dari mulut-kemulut ataupun dari kebiasaan adat istiadat. Dengan kata lain, cerita rakyat pada dasarnya merupakan wujud budaya yang diturunkan mahupun sesuatu yang diwariskan secara turun-temurun secara lisan (oral).





1.9.2 Sinopsis

Sinopsis adalah bahagian penulisan yang memuatkan latar belakang proses penciptan sesuatu karya penulisan. Sebagaimana Nik Hassan Basri Nik Abd. Kadir (2007), menerangkan ianya merupakan huraian pendek yang memberikan gambaran tentang keseluruhan karya atau ringkasan tentang perkara penting dalam buku atau dalam sesebuah cerita. Dalam kajian ini sinopsis akan membincangkan secara singkat perkara-perkara utama yang terjadi dalam sebuah cerita agar pembaca mendapat gambaran tentang apa yang dibangunkan di dalam sesebuah cerita. Secara ringkasnya, sinopsis inilah yang akan memberi ringkasan karya bertulis dan menggunakan gaya bahasa yang mengutamakan aspek persuasif. Ringkasan sinopsis memperhatikan unsur intrinsik yang meliputi tokoh, watak, alur, latar, tema dan alamat dalam sebuah penulisan sastera (Nurhadi, Dawud dan Pratiwi, 2007). Dengan kata lain, fungsi pembinaan sinopsis adalah sebagai prolog suatu penulisan yang ditulis.

1.9.3 Tema

Dalam kajian ini, tema merupakan idea pokok yang dipersoalkan dalam karya seni. Idea ini akan dapat difahami melalui *subject matter* dan judul sesuatu karya. Ianya boleh jadi perkara yang mempunyai nilai estetika atau nilai kehidupan yang berupa: objek alam, objek kebendaan, suasana ataupun peristiwa yang metafora (kiasan). Kajian tema dalam karya sastera adalah termasuk dalam lingkungan unsur instrinsik. Aminuddin (1987), ada menyatakan untuk mencari tema dalam suatu karya, perlu adanya kemampuan berfikir secara rasional, analitis dan reflektif. Tema yang dianalisis dalam kajian ini



mengandungi elemen seperti alam, sejarah, kesaktian, dewa, haiwan dan lain-lain. Tema inilah yang akan menjadi pokok pengembangan cerita dalam sebuah tangon Kadazandusun. Tema adalah motif yang dibentuk dalam penulisan bahasa yang indah menjadi sebuah cerita yang menarik. Tema yang diperolehi dalam tangon Kadazandusun kebanyakannya terdapat satu tema sahaja yang telah dipaparkan dalam sesebuah penulisan sesuai dengan kehendak dan idea si pengarang. Pengkaji melakukan penganalisan kerana tema juga tidak dinyatakan dengan jelas namun, apabila selesai membacanya pengkaji akan dapat mengetahui tema sesebuah cerita dengan melakukan kesimpulan.

1.9.4 Watak dan perwatakan

Watak menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), merujuk kepada sifat batin seseorang yang mempengaruhi tingkah lakunya atau cara pemikiran seseorang. Watak dalam tangon Kadazandusun adalah tokoh dalam sesuatu karya sastera yang bererti orang yang telah diwujudkan dalam menyempurnakan jalan cerita dan sekaligus menjadi penggerak dalam cerita yang ditulis. Manakala maksud perwatakan pula adalah perihal watak seseorang atau bagaimana wataknya hidup dalam sesebuah cerita. Perwatakan akan mencerminkan tingkah laku dari segi mental dan pemikiran sesuatu watak dalam cerita. Secara keseluruhannya, watak dan perwatakan dalam kajian tangon Kadazandusun ini meliputi perlakuan dan peribadi si pelaku yang mewarnai jalan pada tangon yang dikaji.



1.9.5 Plot

Plot juga dikenali sebagai alur merujuk kepada rangkaian cerita yang dimulakan dengan cerita pembuka dan diakhiri dengan penutup cerita (Saleha Astri dan Nursyamsi Maulana, 2018). Selari dengan ini kajian ini, plot dalam tangon Kadazandusun berfungsi untuk menunjukkan perubahan dalam suatu cerita. Alur pula adalah sesuatu yang mengatur bagaimana segala tindakan harus saling berhungan antara satu sama lain dan ia merupakan tulang asas suatu cerita yang akan menuntun pembaca untuk lebih memahami keseluruhan jalan cerita dan segala sebab akibat di dalam sesebuah karya. Daripada Sudjiman (1986) dapat difahami dengan jelas bahawa alur dalam tangon Kadazandusun adalah satu rangkaian peristiwa yang dijalin dengan saksama, yang menggerakkan jalan cerita melalui rumitan kearah klimaks dan anti klimaks. Plot dalam kajian cerita rakyat Dusun ini merangkumi binaan plot seperti permulaan, perkembangan, klimaks, dan peleraian. Binaan plot inilah yang menghiasi jalan cerita yang dibina oleh si pencerita ataupun penulis tangon.

1.9.6 Latar

Latar dalam kajian ini pula merujuk kepada landasan tumpuan, pengertian tempat, hubungan waktu dan lingkungan sosial tempat berlakunya segala peristiwa yang diceritakan dalam sesuatu cerita. Terdapat tiga perbezaan latar juga menurut Nurgiyantoro (1995) iaitu latar tempat, latar waktu dan juga latar sosial. Latar waktu misalnya pada waktu pagi, tahun, tarikh, mahupu pada zaman dahulu. Latar tempat pula boleh jadi di rumah, di sungai ataupun di mana sahaja. Mudahnya, latar adalah





informasi dalam sebuah cerita yang menjelaskan masa, suasana tempat dimana cerita yang dinyatakan itu terjadi. Secara umumnya, latar itu menceritakan ruang tempat, waktu dan suasana yang digunakan sehingga suatu cerita yang ditulis itu sampai ke penghujungnya.

1.9.7 Amanat

Menurut Rusiana (1982), amanat adalah ajaran moral ataupun pesan yang disampaikan oleh pengarang kepada pembaca menerusi tulisannya agar pembaca dapat mengeneralisasikan sebuah kesimpulan dari apa yang telah mereka perolehi daripada pembacaan. Manakala Sadikin (2010), menyatakan amanat adalah pemecahan yang diberikan oleh pengkarya bagi memuatkan persoalan dalam karya penulisannya. Amanat ini terdapat dalam bentuk tersurat dan tersirat. Karya sastra yang mengandungi ajaran moral mahupun pesan yang ingin disampaikan oleh penulis itulah yang merujuk kepada maksud amanat. Jika permasalahan yang difokuskan dalam jalan cerita lalu diberikan jalan keluar oleh pengarang maka jalan itulah juga yang dikenali sebagai amanat (Sudjiman, 1998).

1.9.8 Didaktis

Didaktis ataupun didaktik dalam Kamus Dewan edisi keempat, mengertikan didaktis adalah bersifat mendidik ataupun mengajar. Iaitu proses perubahan sikap dan tingkah laku dalam usaha untuk mendewasakan manusia melalui pengajaran dan pelatihan.





Nilai didaktis dalam tangon Kadazandusun adalah satu jenis pendidikan dengan nilai pengajaran yang dapat menghantar pembaca kepada sesuatu arah tertentu. Melalui pendapat-pendapat ini, dapatlah disimpulkan bahawa didaktis membawa maksud ilmu yang mempelajari tentang nilai-nilai pengajaran dan gagasan-gagasan pengajaran yang disampaikan melalui pendidikan ataupun pengajaran.

1.9.9 Nilai

Nilai adalah idea tentang kepentingan, faedah, mutu, dan keberanian tentang segala benda, perkara dan fenomena yang terdapat dan berlaku di alam semesta ini. Radhakamal Mukerjee (1965), ahli fikir India menyatakan bahawa nilai terbit daripada keinginan dan motif dan diperakukan oleh budaya dan masyarakat. Nilai-nilai seperti ini yang wujud dalam tangon Kadazandusun akan dapat memberikan kepada individu tentang kepercayaan, peraturan dan juga norma hidup sesebuah masyarakat. Sebagaimana yang dipersetujui oleh Endang Sumantri (2010), nilai adalah sesuatu yang sangat bernilai, penting dan berguna serta menyenangkan dalam kehidupan manusia yang dipengaruhi oleh pengetahuan dan sikap yang ada pada diri atau hati nuraninya. Begitu juga pentingnya nilai yang terdapat dalam tangon Kadazandusun bagi membentuk perilaku positif kepada penikmatnya.





1.9.10 Nilai Moral

Kamus Pelajar (Edisi Kedua) mendefinisikan nilai moral sebagai ajaran atau pegangan berkenaan baik buruk sesuatu perbuatan (kelakuan, kewajipan dan lain-lain), sikap, atau cara perlakuan yang diukur dari segi baik dan buruk sesuatu akhlak. Dasarnya, dalam pengkajian ini, nilai moral ini adalah perilaku yang diamalkan dan penilaian sesuatu perkara yang baik dan buruk adalah berdasarkan penerimaan mengikut masyarakat setempat. Oleh itu, nilai moral ini merujuk kepada elemen-elemen yang bersifat setempat dan kebiasaan sesuatu golongan, sosio budaya, etnik dan sebagainya. Sesungguhnya moral itu bererti untuk mengajar, mendidik membimbing dan memandu pembaca dan juga penulisnya kearah yang lebih baik.



1.9.11 Analisis

Maksud analisis mengikut Kamus Dewan (2007) merujuk kepada kajian yang berbentuk penghuraian dengan tujuan untuk mengenali aspek yang berlain-lain secara mendalam seperti sesuatu keadaan, masalah, persoalan dan seumpamanya. Dalam pengertian yang lain, analisis adalah sikap atau perhatian terhadap sesuatu (benda, fakta, fenomena) sehingga mampu menghuraikan menjadi bahagian-bahagian, serta mengenalpasti perkaitan antara bahagian tersebut secara keseluruhannya. Analisis dapat juga diertikan sebagai kemampuan untuk memecahkan atau menghuraikan sesuatu perkara atau mencari informasi menjadi komponen-komponen yang lebih kecil sehingga lebih mudah difahami.





1.9.12 Pragmatik

Dalam artikel Galuh Nashrullah dan Kartika Mayangsari R, pragmatis membahas hal-hal yang bersifat nyata, konkrit, praktikal, dan langsung dapat dilihat hasilnya atau kegunaannya. Istilah pragmatis itu dalam kajian cerita rakyat Kadazandusun memikul samaa ada ia membawa makna positif ataupun negatif. Pragmatik menampilkan makna yang relevan sesuai dengan makna tujuannya dan tidak menyalahi budaya penulis atau pembaca. Wiyatmi (2008), memandang pragmatik sebagai pendekatan yang mengangkat sastra sebagai medium untuk menyampaikan tujuan khusus kepada golongan pembaca. Karya sastra tangon Kadazandusun memegang prinsip bahawa ianya mampu untuk memberikan manfaat dan nilai-nilai yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Contohnya seperti nilai pendidikan, nilai moral, dan hiburan yang dapat mengubah perilaku kearah yang lebih positif.



1.9.13 Pembelajaran

Pembelajaran pula merupakan proses memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran, pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat diaplikasikan dan seterusnya dikekalkan (Ngasiman, 2014). Kamus Dewan Edisi Ke tujuh (2009) mendefinisikan koperatif sebagai proses kerjasama yang dihasilkan untuk memberi kebaikan kepada anggotanya. Morgan dan King dalam bukunya *Introduction to Psychology* mentakrifkan pembelajaran sebagai sebarang perubahan tingkah laku yang akan kekal akibat daripada pengalaman yang diperolehi oleh individu atau latihan yang dijalannya. Tuntasnya, dalam penulisan kajian ini, ia mengangkat





bahawa pembelajaran melalui tangon Kadazandusun merangkumi segala perubahan tingkah laku yang kekal disebabkan oleh sesuatu pengalaman atau ulangan pengalaman melalui pembacaan.

1.9.14 Penghayatan Nilai-Nilai Moral

Penghayatan dikaitkan dengan perasaan seseorang, iaitu merujuk kepada niat dan keinginan untuk bertingkah laku (Susilawati, 2009). Menurut teori Bloom pula menyatakan penghayatan nilai adalah tingkah laku yang terhasil daripada asas penerimaan terhadap sesuatu yang dipelajari (Bloom et.al 1973). Oleh itu, penghayatan nilai moral ini bermaksud suatu tindakan dan amalan yang diinterpretasi dalam dokumen dan penceritaan oleh murid tentang penerimaannya terhadap nilai-nilai moral semasa pengajaran dan pembelajaran tangon semasa waktu mata pelajaran BKD.

1.10 Rumusan

Sejak dari awal wujudnya tangon Kadazandusun ini, ianya menjadi suatu sastera yang bernilai kepada masyarakat Dusun. Walaupun pada mulanya hanya disampaikan dari mulut ke mulut, namun ia tetap kekal menjadi medium dalam pembentukan nilai dan sahsiah dalam kalangan penikmatnya. Menerusi jalan ceritanya yang menarik, banyak ilmu, nilai dan pedoman yang dapat dinikmati oleh pembaca. Penggarapan nilai moral yang diadun oleh penulis melalui watak dan perwatakan dalam tangon Kadazandusun





berupaya untuk membina personaliti penikmatnya. Nilai-nilai moral yang menjadi contoh dan amalan hidup manusia akan melahirkan masyarakat yang madani.

